

PROGRAM 7 PILLARS

KURSUS PATRIOTISME & JATIDIRI PELAJAR (BTN)

Oleh : Azilawati Suanda

Kursus ini bermula pada 3 hingga 6 Julai 2008 yang lalu. Program ini telah dihadiri seramai 1003 pelajar baru dan 21 orang pelajar senior yang masih belum menghadiri sebarang kursus BTN. Mereka ditempatkan di kem-kem Biro Tatanegara Zon Utara. Diantaranya ialah pelajar dari PPK Bahan ditempatkan di Kem Bina Negara Langkawi Kedah, PPK Mikroelektronik ditempatkan di Kem Bina Negara Balik Pulau, Pulau Pinang, PPK Sistem Elektrik ditempatkan di Kem Bina Negara Kulim, Kedah, PPK Pembuatan ditempatkan di Kem Bina Negara Ulu Kenas (B), Perak, PPK Mekatronik ditempatkan di Kem Bina Negara Ulu Kenas (A), Perak, PPK Komputer & Perhubungan ditempatkan di Pusat Latihan Naka, Kedah, PPK Alam Sekitar dan PPK Bioproses ditempatkan di Kem Bina Negara Kaki Bukit, Perlis.

Pelbagai aktiviti dan pengisian telah disajikan kepada semua peserta kursus oleh pihak penganjur sepanjang kursus ini berlangsung antaranya sesi ceramah, latihan dalam kumpulan (LDK), santapan rohani, latihan jasmani dan juga kembara.

Program ini merupakan salah satu program wajib yang perlu diikuti oleh semua pelajar UniMAP. Pengendalian program ini diserahkan secara keseluruhannya kepada pihak penganjur iaitu Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, pihak penganjur turut menyediakan satu slot khas kepada pihak UniMAP yang dikendalikan oleh Dekan-Dekan Pusat Pengajaran. Mereka diagihkan mengikut kem-kem Pusat Pengajaran masing-masing.

Dengan kehadiran Y.Bhg. Dato' Naib Canselor memberi sokongan di kem Langkawi yang menempatkan pelajar-pelajar dari Pusat Pengajaran Kejuruteraan Bahan turut memberi semangat kepada semua pelajar yang hadir. Beliau telah diberikan satu slot ceramah bagi menyuntik semangat para pelajar dalam mengharungi alam pembelajaran di Institusi Pengajaran Tinggi. Segala input yang diberikan sangatlah berguna dan dijadikan panduan kepada semua pelajar.

Setinggi ucapan terima kasih kepada pihak BTN kerana memahami hasrat pihak pengurusan tertinggi UniMAP dan menyediakan peruntukan yang tinggi bagi menjayakan program tersebut. Harapan pihak UniMAP semoga kerjasama ini akan berterusan.

